

Amaran keras!

5 Mac 2018

18 setempat

05-03-2018

Amaran keras!

■ Kementerian Kesihatan bertindak jika ubat batuk dijual bukan untuk tujuan perubatan

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan memberi amaran keras dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pengamal perubatan dan ahli farmasi berlesen yang didapati menjual ubat batuk bukan untuk tujuan perubatan mengikut Akta Racun 1952.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jika sabit kesalahan individu terbabit boleh dikenakan denda RM3,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

"Persediaan ubat batuk dalam sebarang bentuk serta yang mengandungi racun berjadual dikawal mengikut Akta Racun 1952.

"Oleh itu, penjualan ubat batuk hanya dibolehkan un-

tuk perubatan serta dilakukan oleh pengamal perubatan dan ahli farmasi berlesen dan perlu mematuhi peruntukan undang-undang mengikut Akta Racun 1952," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan khas muka depan Harian Metro pada 24 Februari lalu.

Laporan berkenaan mendedahkan penjualan ubat batuk secara terbuka di farmasi terutama di utara Semenanjung dipercayai antara punca utama kepada penyalahgunaan ubatan berkenaan yang dijadikan ra-



“Penjualan ubat batuk hanya dibolehkan untuk perubatan Dr Noor Hisham”

RESIPI BUNUH DIRI
Ubat batuk dijadikan ramuan khas chakoroi ganti dadah

MINUMAN BERKARBONAT

LAPORAN Harian Metro 24 Februari lalu.

muan khas bagi menghasilkan chakoroi.

Menurut laporan itu, chakoroi ialah hasil campuran air ketum, minuman berkarbonat dan ubat batuk yang kini menjadi kegunaan penagih air ketum dan kaki lakok bagi menggantikan pengambilan dadah.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi menjalankan pemeriksaan ke atas premis disyaki menjual ubat batuk bukan untuk tujuan perubatan di seluruh negara pada 22 Ogos tahun lalu.

Katanya, pemeriksaan itu berdasarkan aduan yang diterima dan hasilnya, sebanyak 100,480 botol ubat batuk dirampas untuk siasatan lanjut mengikut Akta Racun 1952.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi akan terus menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang ke atas semua premis yang menjual ubat dan produk kesihatan bagi memastikan penjualan itu mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Kerjasama antara agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) juga akan dipertingkatkan bagi membanteras penjualan dan penggunaan ubat batuk bukan untuk tujuan perubatan," katanya.